



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (6)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

MOTAC LAKSANA AKTIVITI PENGUATKUASAAN DI CAMERON HIGHLANDS

27 Jun 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas pengusahaan pelancongan dan premis penginapan pelancongan mulai 23 hingga 25 Jun 2023.

Penguatkuasaan ini dilaksanakan hasil daripada pemantauan MOTAC yang mendapati premis penginapan/individu/syarikat didapati telah menjual pakej pelancongan tanpa mendapatkan lesen daripada MOTAC terlebih dahulu yang mana menyalahi Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] yang hanya membenarkan agensi pelancongan berlesen sahaja yang boleh menawarkan pakej pelancongan. Mana-mana syarikat

atau individu termasuk PPP yang menjual pakej pelancongan hendaklah memohon lesen pengusahaan pelancongan mengikut Akta 482 melalui sistem TOURLIST (www.tourlist.gov.my).

Sebanyak 85 premis pengusahaan pelancongan dan premis penginapan (hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, dll) telah diperiksa. Sebanyak tiga (3) notis pemeriksaan telah dikeluarkan kerana disyaki melakukan kesalahan Seksyen 5(2), Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] iaitu *tiada seorang pun boleh menjalankan, atau mengendalikan, atau menganjurkan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan perniagaan pengendalian pelancongan; atau perniagaan agensi pelancongan melainkan jika ia adalah suatu syarikat dan memegang lesen sah yang diberikan di bawah Bahagian ini.*

Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda maksimum lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan berterusan, sebagai tambahan didenda tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5,000.00) bagi setiap hari kesalahan.

Selain penguatkuasaan yang dijalankan, MOTAC turut mengambil inisiatif untuk menjalankan advokasi supaya Premis Penginapan Pelancong (PPP) memohon pendaftaran PPP selari dengan Seksyen 31A, Akta 482 iaitu memperuntukkan mana-mana yang menjalankan atau mengendalikan premis penginapan hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya untuk pendaftaran PPP.

Rakyat Malaysia Madani disarankan untuk membeli pakej pelancongan dengan pengusahaan pelancongan berlesen dan menempah premis penginapan pelancongan yang didaftarkan MOTAC bagi mengelakkan scam/penipuan dan menikmati pelepasan cukai pendapatan individu. Semakan boleh dibuat di laman sesawang rasmi MOTAC <https://motac.gov.my/semakan.>

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac